

AKHBAR : BERITA HARIAN
 MUKA SURAT : 8
 RUANGAN : NASIONAL

Doktor caj tinggi boleh dikenakan tindakan

Pegawai perubatan berhak beri diskaun berdasarkan budi bicara

Oleh Shamsul Kamal Amarudin
 shaka@bh.com.my

Ipoh: Kementerian Kesihatan akan mengambil tindakan terhadap doktor yang mengenakan caj konsultasi melebihi kadar ditetapkan kerajaan, sama ada pesakit menggunakan kad insurans perubatan atau bayaran tunai.

Timbalan Menteri, Dr Lee Boon Chye, berkata pada masa sama, doktor khususnya di hospital dan klinik swasta, boleh serta berhak memberikan diskaun

kepada pesakit berdasarkan budi bicara masing-masing.

Katanya, caj konsultasi doktor dikawal menerusi Perintah Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta lain) (Pindaan) 2013 dalam Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998.

"Mereka (doktor) tidak boleh (mengenaikan caj) melebihi apa ditetapkan dalam akta itu dan sekiranya berbuat demikian, mere-

ka perlu menerangkan (kepada pelanggan) kenapa kenakan caj lebih tinggi daripada ditetapkan.

"Kalau ada aduan membuktikan caj itu melebihi kadar ditetapkan dalam akta, kementerian boleh ambil tindakan terhadap doktor berkenaan," katanya selepas merasmikan Sambutan Hari AIDS Sedunia Peringkat Kebangsaan 2019 di Kinta River Walk, di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas laporan *BH* mengenai ada klinik swasta mengenakan caj tambahan sehingga 10 peratus terhadap pemegang polisi insurans berbanding bayaran tunai, manakala harga ubat dikenakan hampir 90 peratus lebih mahal berbanding

dibeli di farmasi.

Tindakan itu mengakibatkan kuota perlindungan pesakit untuk pemegang polisi insurans cepat habis dan harga ubat meningkat hampir 90 peratus lebih mahal.

Dr Boon Chye berkata, caj konsultasi ditetapkan dan orang ramai boleh mengetahui kadar itu dalam laman sesawang berkaitan akta terbabit.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan tidak mengawal kadar ditetapkan hospital dan klinik swasta terhadap perkara lain seperti bekalan ubat, penginapan, makanan serta pelbagai perkhidmatan lain disediakan pihak berkenaan.

Katanya, bagi pesakit menggunakan kad insurans perubatan

untuk mendapatkan perkhidmatan itu, kebiasaannya syarikat insurans terbabit sudah ada perjanjian dengan pihak hospital berkaitan, termasuk terma kredit seperti tempoh bayaran ditetapkan.

Beliau berkata, terpuang kepada pihak berkaitan untuk menentukannya kerana penetapan kadar harga bukan di bawah kawalan Kementerian Kesihatan.

Dalam perkembangan lain, Dr Boon Chye berkata, pihak kementerian akan menyiasat catatan seorang wanita dalam Facebook menunjukkan gambar tangan bayi baru dilahirkan dengan 10 kesan cucukan jarum didakwa dilakukan doktor pelatih ketika ingin mengambil darah anaknya.



Boon Chye (tengah) merasmikan Sambutan Hari AIDS Sedunia Peringkat Kebangsaan 2019 di Kinta River Walk, Ipoh, semalam. (Foto Abdullah Yusof/BH)

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Masih dalam kajian

KKM perlu lebih banyak data berkenaan vape

KUALA LUMPUR

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) masih mengkaji sama ada penggunaan rokok elektronik atau vape perlu dilarang ataupun dibenarkan dengan kawalan pada masa akan datang.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye berkata, pihaknya masih memerlukan lebih banyak data mengenai perkara itu sebelum membuat sebarang keputusan dan draf

peraturan kawal selia rokok elektronik kerana ia masih di peringkat permulaan.

Beliau berkata, pada dasarnya, penggunaan vape masih berbahaya seperti mana rokok tembakau kerana 90 peratus kandungannya melibatkan nikotin.

"Kita perlu menjaga golongan tidak merokok yang tidak mahu terdedah kepada asap rokok sekunder," katanya di sini semalam.

Sementara itu, merujuk kes seorang remaja lelaki dimasukkan ke Hospital Nukleus Labuan pada 8 November lepas bagi menerima rawatan untuk ke-rosakan dalaman paru-paru disyaki akibat menghisap vape, Dr Boon



BOON CHYE

Chye berkata, pihaknya masih menyiasat punca kes.

"Kami belum mengenal pasti sama ada dia dijangkiti penyakit Evali ataupun tidak, namun siasatan masih dijalankan," katanya. - Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

Kementerian siasat dakwaan tular

Bayi baru lahir didakwa dicucuk dengan jarum sehingga 10 kali

NOOR AINON MOHAMED
YUSOF

IPOR

Kementerian Kesihatan akan menyiasat dakwaan tindakan seorang doktor pelatih yang mencucuk tangan bayi baru lahir dengan jarum sehingga 10 kali bagi mendapatkan darah yang tular di media sosial baru-

baru ini.

Timbalan Menteri Kesihatan, Dr Lee Boon Chye berkata, siasatan akan dilakukan berikutan arnalan pegawai perubatan biasa seorang hanya boleh melakukan dua kali percubaan untuk memasukkan jarum sebelum dirujuk pada pegawai yang berpengalaman.

"Bayi yang dimasukkan ke hospital perlu terima rawatan. Masalah yang sering dihadapi bayi mempunyai saluran darah yang kecil dan bukan senang untuk dapatkan saluran itu.

"Menjadi amalan kita kalau doktor tersebut gagal dua kali, dia perlu rujuk kepada doktor senior. Dia ti-

dak boleh mencuba hingga 10 kali. Bagaimanapun, kita akan siasat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sambutan Hari Aids Sedunia 2019 Peringkat Kebangsaan di Kinta River Walk di sini semalam.

Satu berita tular di Facebook memaparkan gambar tangan bayi baru lahir mempunyai kira-kira 10 kesan suntikan jarum di kedua-dua belah tangan didakwa dilakukan oleh doktor pelatih.

Berdasarkan status itu, ibu kepada bayi berkenaan sedih dengan tindakan doktor tersebut yang gagal dalam percubaan memasukkan jarum serta mendapatkan darah.



Boon Chye (kanan) merasmikan Sambutan Hari Aids Sedunia 2019 Peringkat Kebangsaan di Ipoh semalam. Gambar kecil: Gambar yang tular di media sosial memaparkan tangan milik seorang bayi yang mempunyai kesan ilocucuk jarum.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 32

RUANGAN : SINAR NEGERI

Pindaan RUU racun untuk pastikan hak pesakit terjamin

KUALA LUMPUR - Cadangan peruntukan baharu dalam Rang Undang-Undang Racun (Pindaan) 2019 adalah bagi memastikan hak pesakit dijamin dengan diberi pilihan setelah selesai sesi konsultasi untuk menentukan tempat mendapatkan bekalan ubat bagi rawatannya sama ada di fasiliti perubatan itu sendiri atau di sebuah farmasi luar.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, ia sama sekali tidak menyekat pengamal perubatan berdaftar untuk membekalkan ubat kepada pesakitnya jika pesakit memilih untuk mengambil ubat di fasiliti perubatan mereka sepertimana amalan semasa.

"KKM (Kementerian Kesihatan) juga ambil maklum bantahan beberapa pihak terhadap jenis hukuman yang dikenakan sekiranya peruntukan ini tidak dipatuhi.



DR DZULKEFLY

"Setelah perkara ini dibincangkan dengan Pengurusan Tertinggi KKM, Majlis Penasihat Kesihatan (HAC) dan Kamar Peguam Negara, KKM bersetuju untuk meneliti semula perkara ini dan akan membentangkan cadangan penambahbaikan dalam masa terdekat," katanya dalam kenyataan semalam.

Rang Undang-undang Racun (Pindaan) 2019 yang dibentangkan untuk bacaan kali pertama di persidangan Dewan Rakyat pada 25 November lalu antara lain memperkenankan peruntukan baharu yang mewajibkan pengamal perubatan berdaftar untuk mengeluarkan preskripsi jika diminta oleh pesakitnya.

Kenyataan itu susulan artikel disiarkan pada 29 November lalu yang bertajuk *MMA slams proposed fine, jail for doctors refusing to give prescription slips* di laman sesawang se-

buah portal berita dan beberapa laporan lain berkaitan perkara sama.

Menerusi artikel itu, Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menyifatkan rang undang-undang yang membolehkan doktor didenda dan dipenjarakan kerana menolak memberikan preskripsi atas permintaan pesakit sebagai 'tidak wajar'.

Dr Dzulkefly turut menegaskan dakwaan bahawa pengamal perubatan akan terus dikenakan hukuman penjara sekiranya tidak mengeluarkan preskripsi atas permintaan pesakit adalah sebagai tidak benar.

Katanya, sebelum satu preskripsi boleh dikeluarkan, pesakit mesti terlebih dahulu menjalani sesi konsultasi dengan seorang pengamal perubatan berdaftar memandangkan ia merupakan asas untuk preskripsi dikeluarkan kepada pesakit.

"Ini bermaksud pesakit tidak boleh sewenang-wenangnya berjumpa dengan pengamal perubatan berdaftar dan menuntut apa jua preskripsi dikeluarkan," katanya. - *Bernama*

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : NEWS

Dzulkefly: Report clinics charging higher fees

KUCHING: The Health Ministry has urged health insurance policyholders who had been charged higher rates compared with non-policyholders by private clinics to file complaints with the ministry. Its minister, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, said this would enable the authorities to investigate the matter. "The ministry views the issue seriously. Complainants can file their complaints with us or the Federation of Malaysian Consumers Associations," he said here on Saturday. Dzulkefly said the public could file their complaints via ck-aps.aduan@moh.gov.my. Action would be taken against clinics that were found to be involved in such practices, he added. **Bernama**